

# 'Ada banyak kes duluan DNAA'

PM nafi arah  
bekas Peguam  
Negara lepas  
tanpa bebas  
Ahmad Zahid

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah dan Muhammad  
Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta pihak yang membuat dakwaan beliau terbabit dalam melepas tanpa membebaskan (DNAA) Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi supaya menunjukkan buktinya.

Perdana Menteri menegaskan, pihak yang membuat tuduhan perlu membuktikan beliau mengarahkan bekas Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun untuk memerintahkan supaya Ahmad Zahid dilepas tanpa dibebaskan.

"Apa bukti saya campur tangan? Peguam Negara itu (Idrus) adalah Peguam Negara yang dipilih ketika pentadbiran sebelum ini.... saya tak tukar Peguam Negara itu (selepas menjadi Perdana Menteri).

"Selepas itu saya dituduh bincang (untuk menggugurkan kes Ahmad Zahid).

"Saya tidak campur tangan dalam kes Ahmad Zahid dan saya tahu Peguam Negara memiliki budi bicara terhadap soal pendakwaan seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Sebelum ini banyak kenyataan seolah-olah Perdana Menteri campur tangan. Kita cakap dengan hukuman dan keadilan, bukan dengan andaian. Apakah saya berbincang? Bila Peguam Ne-



Anwar pada sesi perbahasan usul Kajian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

gara buat keputusan, saya tanya dia apa alasan, dia beri 11 alasan, bukannya bincang.

"Tan Sri Idrus terpaksa tarik (DNAA) atas alasan tertentu. Saya tanya tidak boleh tangguh? Dia cakap tidak boleh. Saya tahu ramai tidak puas hati, termasuk kawan-kawan saya, tapi saya faham. Tapi, janganlah menghukum saya campur tangan," katanya.

Mengulas lanjut isu itu, Anwar menegaskan ada banyak kes duluan berhubung perintah DNAA walaupun selepas kes yang dibicarakan ketika itu sudah berada pada peringkat pembelaan dan prima facie.

Perdana Menteri berkata, duluan juga direkodkan berlaku ketika pentadbiran terdahulu, termasuk ketika diterajui Perikatan Nasional (PN), antaranya mem-

babitkan kes pendakwa raya melawan Siti Aisyah & Doan Thi Huong (dalam kes pembunuhan Kim Jong Nam, abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-il), pada 2019.

Katanya, perintah DNAA turut direkodkan bagi kes Timbalan Pendakwa Raya (TPR) melawan (vs) Long Samat pada 1974; TPR vs Johnson Tan Han Seng (1977); TPR vs Zainuddin dan Anor (1986) serta Karpal Sing dan Anor vs TPR (1991).

## Sesi pengguguran kecoh

Justeru, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun menegaskan, DNAA terhadap Ahmad Zahid bukanlah suatu pertuduhan kali pertama yang dihentikan pada peringkat *prima facie*.

Terdahulu, sesi pengguguran

itu kecoh dan tergendala apabila Perdana Menteri menyebut pentadbiran terdahulu juga pernah membuat keputusan DNAA dalam beberapa kes dengan merujuk kes Siti Aisyah & Doan Thi Huong yang dilepaskan tanpa dibebaskan daripada pertuduhan membunuh Kim Jong-Nam selepas pendakwa raya menggugurkan pendakwaan terhadapnya, pada Mac 2019.

"You boleh gelak Putrajaya (Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Dr Radzi Jidin) kerana you buat perkara itu, masa pentadbiran you buat kerja itu," kata Anwar.

Radzi kemudian bangun dan meminta Perdana Menteri untuk menarik balik dakwaan itu yang kemudian menyebabkan kekecohan. Kekecohan berakhir apabila Radzi diarah keluar oleh Speaker,

Tan Sri Johari Abdul kerana mengganggu pengguguran oleh Anwar.

Arahan itu dikeluarkan selepas Radzi enggan mendengar arahan supaya duduk dan memberi peluang Perdana Menteri meneruskan sesi penggugurannya tanpa diganggu.

Rentetan peristiwa itu, beberapa Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) termasuk Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin turut bertindak keluar dari Dewan Rakyat.

Sementara itu, Anwar mengakui kecewa dengan sikap ahli Parlimen pembangkang yang berterusan menyerangnya berhubung isu DNAA Ahmad Zahid dan membuat tuduhan melulu dan kurang sopan serta dihukum dan dilabel sebagai munafik.